



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PERBANDINGAN REKA BENTUK BUKU LAPORAN
TAHUNAN UNIVERSITI AWAM MALAYSIA**

Ding Choon Lu

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian

(Teknologi Seni Reka)

2010

**PERBANDINGAN REKA BENTUK BUKU LAPORAN
TAHUNAN UNIVERSITI AWAM MALAYSIA**

Ding Choon Lu

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
Teknologi Senireka (Grafik)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2010

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: PERBANDINGAN REKA BENTUK BUKU LAPORAN TAHUNAN
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

SESI PENGAJIAN : 2007 / 2010

Saya DING CHOON LU

mengaku membenarkan *tesis ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. **sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap:
36C, Jalan Pigeon
96000 Sibu, Sarawak

Tarikh : _____

Tarikh : _____

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Projek bertajuk '**Perbandingan Reka Bentuk Buku Laporan Tahunan Universiti Awam Malaysia**' telah disediakan oleh **Ding Choon Lu** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Teknologi Seni Reka Grafik**)

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Encik Ringah Ak Kanyan)

Tarikh:.....

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertasi ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi lain.

.....
(Ding Choon Lu)

No. Matrik: 18301

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka surat
Isi Kandungan	i
Penghargaan	viii
Abstrak	ix
Abstract	x

BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan	1-2
1.1 Permasalahan Kajian	3-4
1.2 Objektif kajian	5
1.3 Kepentingan Kajian	6
1.4 Hipotesis (Jangkaan awalan)	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Limitasi kajian	8-9

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.0 Sorotan Kajian	10-13
--------------------	-------

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	14
3.1 Kajian Kuantitatif (Data primer)	15
3.1.1 Pemerhatian	15
3.1.2 Temubual	15
3.1.3 Soal Selidik	16
3.2 Kajian Kualitatif (Data sekunder)	
3.2.1 Buku	17
3.2.2 Internet	17

BAB 4: HASIL DAPATAN KAJIAN

4.0 Analisa borang Soal Selidik	18-31
4.1 Analisa pemerhatian	32
4.1.1 Analisa pemerhatian terhadap buku laporan tahunan Universiti Malaysia	33-34
4.1.2 Analisa pemerhatian terhadap buku laporan tahunan luar Negara	35-36
4.2 Analisa dapatan temu bual	37-38

**BAB 5: CADANGAN REKA BENTUK BUKU LAPORAN TAHUNAN
UNIMAS**

5.0 Pengenalan	39
5.1 Cadangan Pembungkusan Reka bentuk	39-40
5.2 Cadangan Visual Grafik	41-43
5.3 Cadangan Video Montaj	44

BAB 6: DAPATAN VALIDASI

6.0 Validasi produk	45-50
---------------------	-------

BAB 7: KESIMPULAN

7.0 Kesimpulan	51
----------------	----

BIBLOGRAFI	52-54
-------------------	-------

LAMPIRAN	55-61
-----------------	-------

SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah 1: Contoh buku laporan tahunan Unimas.	3
Gambarajah 2: Contoh maklumat laporan tahunan yang menggunakan teks yang maksima.	4
Gambarajah 3: Contoh penggunaan warna pada percetakan buku	13
Gambarajah 4: Pemerhatian di <i>University Education Fair, Hilton Hotel, Kuching. (17 Oct 2009)</i>	33
Gambarajah 5: Contoh buku laporan tahunan UNIMAS	35
Gambarajah 6: Contoh buku laporan tahunan UPM	35
Gambarajah 7: Contoh buku laporan tahunan <i>American Red</i>	37
Gambarajah 8: Contoh buku laporan tahunan <i>Maries topes</i>	37
Gambarajah 9: Contoh buku laporan tahunan <i>North Star Fund</i>	37
Gambarajah 10: Contoh buku laporan tahunan <i>Save the world. Ideas creative inc, Philippines</i>	37
Gambarajah 10: Temu Ramah Pertama , En. <i>Michale Loo. 2ND Floor, Lot 432 Section 54, KTLD Travillion Commercial Center Jalan Petanak, 93100 Kuching.</i>	39

Gambarajah 11: Temu Ramah Kedua, Yulhardy Budiman & Norhamimah Hj Buang. (<i>Assistant Publication Officer Chancellery Division & Corporate Communications Unit Chancellery Division</i>)	39
Gambarajah 12: Perkembangan idea daripada logo UNIMAS kepada symbol alam semulajadi.	41
Gambarajah 13: Cadangan pembungkusan reka bentuk buku laporan tahunan Unimas	43
Gambarajah 14: Cadangan visual grafik buku laporan tahunan Unimas pertama	43
Gambarajah 15: Cadangan visual grafik buku laporan tahunan Unimas kedua	43
Gambarajah 16: Cadangan bahan korporat Unimas. (<i>Envelope, letterhead dan name card.</i>)	44
Gambarajah 17: Cadangan bahan korporat Unimas. (Kad Matrik dan pelenkap kereta.)	44
Gambarajah 18: Cadangan akhir bahan korporat Unimas.	44
Gambarajah 19: Cadangan papan penceritaan Montaj Unimas.	45

SENARAI RAJAH

Rajah1: Kategori responden mengikut jantina	19
Rajah2: Kategori responden mengikut Umur	20
Rajah3: Kategori responden mengikut Bangsa	21
Rajah4: Kategori responden mengikut pekerjaan	22
Rajah5: Analisa pengalaman responden	23
Rajah 6: Analisa penggunaan elemen grafik	24
Rajah 7: Analisa faktor menarik minat membaca laporan tahunan	25
Rajah 8: Analisa pemilihan kertas yang sesuai untuk percetakan.	26
Rajah 9: Analisa format yang sesuai untuk percetakan buku.	27
Rajah 10: Analisa huruf yang membantu dalam pembacaan.	28
Rajah 11: Analisa visual grafik yang memberi impak dalam pemahaman isi kandungan	29
Rajah 12: Analisa konsep yang sesuai untuk buku laporan tahunan universiti	30
Rajah 13: Analisa warna yang sesuai untuk buku laporan tahunan universiti	31
Rajah 14: Analisa data mengikut element –elemen visual grafik yang bertepatan dengan konsep reka bentuk buku laporan UNIMAS berdasarkan warna.	47
Rajah 15: Analisa data mengikut element –elemen visual grafik yang bertepatan dengan konsep reka bentuk buku laporan UNIMAS berdasarkan font/ muka taip.	48
Rajah 16: Analisa data mengikut element –elemen visual grafik yang bertepatan dengan konsep reka bentuk buku laporan UNIMAS berdasarkan Visual/ Gambar.	49

Rajah 17: Analisa data mengikut element–elemen visual grafik yang bertepatan dengan konsep reka bentuk buku laporan UNIMAS berdasarkan material/jenis kertas/ fungsi.	50
---	----

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Analisa pemerhatian terhadap buku laporan tahunan Universiti Malaysia	33
---	----

Jadual 2: Analisa pemerhatian terhadap buku laporan tahunan luar Negara	35
---	----

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran1: Borang Kaji Selidik	55
--------------------------------	----

Lampiran2: Borang Kaji Selidik	56
--------------------------------	----

Lampiran3: Borang Kaji Selidik	57
--------------------------------	----

Lampiran4: Borang Kaji Selidik	58
--------------------------------	----

Lampiran5: Lampiran Borang Validasi	59
-------------------------------------	----

Lampiran5: Lampiran Borang Validasi	60
-------------------------------------	----

Lampiran5: Lampiran Borang Validasi	61
-------------------------------------	----

PENGHARGAAN

Kejayaan menyiapkan projek ini adalah hasil daripada kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh pelbagai pihak. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia penyelidikan pertama, Encik Louis (Ringah Ak Kanyan) selaku penyelia projek tahun akhir atas bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang membina sepanjang proses menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih pensyarah- pensyarah teknologi seni reka yang lain, iaitu Cik Salmiah Binti Abdul Hamid, Puan Siti Shukhaila bt Shahrudin, Prof Madya Ahmad Khiri, , En. Azwan Abidin dan En.Sylvester Wieding Jussem yang banyak memberi cadangan, teguran, nasihat, tunjuk ajar dan komitmen yang diberikan.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada En.Michale Loo (pereka grafik syarikat Digital Printing Image) dan Yulhardy Budiman (*Assistant Publication Officer Chancellery Division Unimas*) serta Norhamimah Hj Buang (*Corporate Communications Unit Chancellery Division Unimas*) yang telah memberi kerjasama kepada saya semasa mengumpul maklumat tentang buku laporan tahunan Universiti untuk menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya hadiahkan kepada Ibu saya kerana jasa, doa beliau dan sokongan serta membantu saya menangani pelbagai masalah yang dihadapi sehingga tesis ini di siapkan.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucap terima kasih kepada rakan-rakan kerana bantuan yang telah dihulurkan dan keikhlasan mereka dalam menghasilkan kajian rekabentuk ini.

Abstract

This research paper focuses on graphic elements that prescribe well the design of annual book report for local universities in Malaysia. The new design will focus more on a systematic graphical allocation area and included also contemporary concept and montage. Besides that, with the new composition of design, the reader will be able to understand the information and facts in the annual report of local universities in Malaysia.

Abstrak

Kajian ini memfokus kepada penggunaan elemen grafik di dalam reka bentuk buku laporan tahunan universiti-universiti awam di Malaysia. Konsep rekaan yang lebih bersifat sezaman (kontemporari) dan penggunaan imej fotografi dan ilustrasi dipilih supaya para pembaca lebih senang untuk memahami fakta dan maklumat di dalam buku laporan tahunan.

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pengenalan

Menurut kamus Dewan, laporan tahunan bermaksud laporan yang dikemukakan atau dibentangkan setahun sekali dan yang lazimnya melaporkan, menerangkan hal-hal penting yang telah berlaku sepanjang tahun yang berkenaan. Dalam kajian laman web, laporan tahunan merupakan sesuatu document yang merangkumi maklumat keputusan kewangan syarikat dan maklumat perniagaan yang telah dijalankan dalam setahun.

Manakala laporan tahunan universiti menyampaikan maklumat kedudukan kewangan universiti, maklumat kemajuan univesiti dan segalanya mengenai perkembangan universiti. Antara maklumat adalah seperti tadbir urus, lembaga pengarah, pegawai utama pengurusan, majlis dekan, fakulti dan program, pengajaran dan pembelajaran, sumber manusia, hal ehwal pelajar dan alumni, laporan fakulti, institut, pusat, anugerah, penerbitan, penyelidikan, laporan kewangan, aktiviti utama universiti sepanjang tahun, panel penasihat kebangsaan dan panel penasihat antarabangsa.

Perletakan elemen visual dalam laporan tahunan Universiti Malaysia Sarawak sejak tahun 1996 telah digunakan. Seterusnya pada tahun 1997, perletakan imej dan visual element masih digunakan tetapi susunan masih tiada perubahan. Kebanyakan maklumat yang telah disenaraikan dalam laporan tahunan tersebut hanya menggunakan perkataan sahaja. Sehingga tahun 2007, penggunaan warna yang berlainan telah digunakan untuk menunjukkan maklumat yang berbeza. Selain itu, laporan tahunan universiti seperti UITM 2007, UM 2007, Politeknik Kota Melaka 12007, UKM 2005 dan sebagainya juga tidak menggunakan elemen visual sebagai peranan yang penting dalam buku laporan tahunan masing-masing.

Kebanyakan saiz buku laporan tahunan universiti adalah sebesar A4 dengan kertas luaran yang tebal dan bentuk rupanya sama seperti buku pembelajaran biasa. Maklumat yang dilaporkan adalah banyak. Oleh itu, penggunaan elemen visual seperti warna, ruang, saiz perkataan dan imej yang diaplikasikan adalah sangat penting untuk menghasilkan sebuah buku laporan tahunan yang senang dibaca dan tidak mengelirukan.

1.1 Permasalahan Kajian

1.1.1 Kurang penekanan dalam pengarahan seni.

Dalam buku laporan tahunan universiti, perletakan visual seperti warna, susunan reka letak, diagram, carta-carta yang disenaraikan tidak sesuai dengan konsep dan masih tradisional. Penggunaan grafik seperti garisan, ruang, dan saiz perkataan yang diguna amat mengelirukan mata pembaca.




Gambarajah 1: Contoh buku laporan tahunan Unimas.

1.1.2 Pengolahan reka bentuk yang tidak dinamik.

Isi kandungan dalam laporan tahunan universiti tidak dirancang dengan sistematik. Contohnya, saiz dan warna tajuk utama dan isi kandungan adalah sama, ini akan menyebabkan pembaca keliru dan susah dibaca.

1.1.3 Dominasi teks yang maksima.

Penggunaan teks yang lebih banyak berbanding visual grafik boleh menimbulkan perasaan bosan untuk membaca. Visual memainkan peranan yang penting kerana ia boleh menyampaikan mesej dengan lebih jelas dan menarik perhatian pembaca. Sebuah buku yang tidak mempunyai elemen visual tidak dapat dipemerhatikan.



Gambarajah 2: Contoh maklumat laporan tahunan yang menggunakan teks yang maksima.

1.2 Objektif kajian

(a) Mengenalpasti permasalahan penggunaan elemen visual dalam penghasilan buku laporan tahunan.

Dalam kajian ini, masalah penggunaan elemen visual seperti teks, warna, susunan reka letak, clip art, carta-carta dan sebagainya akan dikenal pasti supaya dapat dirancang dengan sistematik.

(b) Menganalisa data dan maklumat mengenai elemen visual yang digunakan pada buku laporan tahunan.

Selepas itu, elemen visual dalam buku laporan tahunan universiti yang berlainan akan dianalisis. Contohnya, mengatur semula perkataan teks yang panjang kepada elemen visual yang sesuai.

(c) Menghasilkan buku laporan tahunan Universiti Awam Malaysia dengan mengaplikasikan elemen visual yang lebih dinamik dan berkonsep kontemporari.

Akhir sekali, penggunaan elemen visual yang dinamik akan diaplikasikan dan mereka cipta luaran yang lebih unik. Contohnya, menghasilkan reka bentuk yang berlainan selain daripada bentuk segi empat biasa.

1.3 Kepentingan kajian

Kajian ini dilakukan adalah untuk menyelesaikan masalah ke atas penggunaan elemen visual dalam penghasilan buku laporan tahunan universiti awam Malaysia. Elemen visual adalah sangat penting dalam penyampaian mesej. Dengan mengaplikasikan penggunaan elemen visual yang lebih dinamik, pembaca boleh mencari maklumat dengan lebih mudah dan cepat. Sekiranya sebuah buku laporan tahunan yang dihasilkan tidak dirancang dengan sistematik, pembaca tidak akan minat untuk membaca.

1.4 Hipotesis (Jangkaan awalan)

Penggunaan elemen visual dalam laporan tahunan universiti adalah untuk memudahkan pembaca supaya lebih memahami daripada penggunaan teks. Hal ini demikian kerana teks yang terlalu banyak akan meletihkan pembaca untuk membaca. Gambaran visual boleh memberi impak kepada pemaafaman isi kandungan buku laporan tahunan universiti. Seterusnya, reka letak yang teratur dan sistematik boleh menjimatkan muka surat laporan tahunan dan juga menjimatkan kos. Sesebuah buku laporan tahunan universiti yang unik akan menunjukkan kemajuan dan keistimewaan sesebuah universiti. Ia akan memberi impresi yang bagus kepada pembaca terhadap buku laporan tahunan tersebut.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini dilakukan berdasarkan maklumat dan contoh-contoh buku laporan tahunan universiti am yang terdapat di CAIS UNIMAS iaitu Pusat Khidmat Maklumat Akademik Universiti Malaysia Sarawak, Pustaka Negeri

Sarawak, dan juga contoh buku laporan tahunan universiti yang terdapat dari *Corporate Communications Unit Chancellery Division*, Unimas serta sesetengah buku laporan tahunan syarikat yang berkenaan.

Setelah mendapat maklumat, kajian ini akan tertumpu kepada reka bentuk dan percetakan sesebuah buku laporan tahunan universiti. Antara reka bentuk yang akan dikaji adalah terdiri daripada penggunaan elemen visual seperti jenis huruf, warna, perletakan ruang, imej dan sebagainya. Cara *binding* dan bahan material memainkan peranan yang penting juga dalam kajian buku laporan tahunan universiti.

1.6 Limitasi kajian

1.6.1 Sumber rujukan

Sumber rujukan yang perlu didapati untuk kajian adalah seperti buku laporan tahunan Universiti, *prospectus*, maklumat tentang korporat UNIMAS dan sebagainya. Kajian ini adalah paling susah untuk dikaji atas masalah permintaan buku laporan tahunan dari univerisiti yang lain dan juga syarikat yang berkenaan. Hal ini demikian disebabkan buku laporan tahunan merupakan dokumen yang sulit dan tidak boleh diedar dengan sesuka hati. Oleh itu, kebanyakan contoh buku laporan tahunan hanya boleh dilihat dan menggunakan cara pengambilan gambar untuk dijadikan sumber rujukan.

Selain itu, korporat sesebuah universiti merupakan cabaran yang kedua dalam kajian ini. Masalah ini berlaku kerana setakat ini tiada lagi sesebuah buku panduan universiti yang mempunyai maklumat korporat yang jelas. Semasa kajian ke atas koporate Unimas, masalah ini berlaku kerana tidak dapat cari maklumat tentang identiti korporat Unimas dan konsep yang digunakan.

1.6.2 Sampel buku percetakan

Buku panduan universiti, majalah, pembukusan ataupun percetakan buku dan jenis kertas, merupakan sampel untuk mengkaji dalam menghasilkan sebuah bentuk buku yang dinamik. Dalam kajian ini, masalah yang dihadapi adalah seperti kekurangan kertas yang istimewa seperti kertas kitar semula dan *wausau paper*, masalah binding dan percetakan buku. Dalam bahagian Sarawak hanya mempunyai *com binding* dan *roll binding* serta *glue binding* sahaja. Oleh itu, cara binding perlu dikaji dan dihasilkan dengan cara sendiri.

BAB 2

Sorotan Kajian Kajian lepas “Literature Review”

2.0 Sorotan Kajian

Imej

Kajian ini dilakukan berdasarkan maklumat-maklumat yang diperoleh daripada buku, laman web dan pengalaman yang diperolehi oleh penyair dan pereka yang pakar. Berdasarkan kajian lepas yang diperolehi daripada buku *Benson* yang ditulis oleh penyair *Simonides, West*, 1997, muka surat 141. Beliau mengatakan bahawa: “*Words are the images of things*”, “*without image, thinking is impossible*”. Ini telah menjaminkan bahawa imej adalah begitu penting dalam penyampaian mesej untuk menggantikan penggunaan perkataan.

Beliau juga menerangkan: “*Characters in alphabets began as pictures with meaning*”. Penjelasan ini telah mengatakan bahawa setiap jenis huruf perkataan adalah berasal dari imej dengan maknanya sendiri. Oleh itu, imej merupakan peranan yang penting untuk membawa mesej yang lebih jelas.

“*The ability to turn information of all types into pictures, graphics, or forms that help communicate the information*” (Wileman, muka surat 114). Ini